

HUBUNGAN STRATEGI MENEKA MAKNA DAN PENGETAHUAN KOSA KATA ARAB PELAJAR SMAN TEMERLOH, PAHANG

THE RELATIONSHIP BETWEEN GUESSING STRATEGIES AND ARABIC VOCABULARY KNOWLEDGE AMONG SMAN STUDENTS IN TEMERLOH, PAHANG

Insyirah Mohd Hanafi¹ & Harun Baharudin²

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
insyirahhanafi.99@gmail.com¹ & harunbaharudin@ukm.edu.my²*

ABSTRACT

Guessing meaning strategy was one of the techniques employed by students to comprehend unfamiliar words without directly referring to dictionaries or other external sources. Vocabulary knowledge was a crucial component in language learning, particularly in Arabic, which required an understanding of word meanings across diverse contexts. This study aimed to examine the relationship between the use of guessing strategies and the level of vocabulary knowledge among Form Four students in State Religious Secondary Schools (SMAN) in the Temerloh District, Pahang. The research employed a cross-sectional survey design, utilizing questionnaires and vocabulary tests as data collection instruments. The study population consisted of 321 students, with a sample of 175 selected using stratified random sampling based on Krejcie and Morgan's (1970) table. Descriptive and inferential statistical analyses were conducted to determine the level of guessing strategy use, vocabulary knowledge, and the correlation between both variables. The findings revealed that the level of guessing strategy usage was moderately high (mean = 3.41), whereas students' Arabic vocabulary knowledge remained weak. A moderate and significant positive relationship was found between guessing strategies and vocabulary knowledge, with a Pearson correlation value of $r = 0.52$, $p < 0.01$. The study indicated that guessing strategies contributed positively to vocabulary acquisition, although overall vocabulary mastery remained low. The findings suggest that this strategy should be emphasized in Arabic language instruction to enhance vocabulary learning effectiveness.

Keywords: *Vocabulary learning strategies, guessing strategy, vocabulary mastery, Arabic language learning, SMAN students.*

ABSTRAK

Strategi meneka makna merupakan teknik yang digunakan pelajar untuk memahami maksud perkataan tidak dikenali tanpa merujuk terus kepada kamus. Dalam pembelajaran bahasa Arab, pengetahuan kosa kata amat penting kerana pelajar perlu memahami makna perkataan dalam pelbagai konteks. Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara penggunaan strategi meneka makna dengan tahap pengetahuan kosa kata dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di Temerloh, Pahang. Reka bentuk kajian adalah tinjauan keratan rentas yang melibatkan 175 pelajar, dipilih secara persampelan rawak berstrata daripada populasi 321 orang berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik dan ujian kosa kata. Analisis statistik deskriptif menunjukkan tahap penggunaan strategi meneka makna adalah sederhana tinggi (min = 3.41), manakala pengetahuan kosa kata berada pada tahap lemah. Analisis inferensi menunjukkan wujud hubungan positif sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah ($r = 0.52$, $p < 0.01$). Kajian ini menunjukkan bahawa strategi meneka makna berpotensi membantu pelajar meningkatkan penguasaan kosa kata, namun

tahap penguasaan semasa masih rendah. Oleh itu, strategi ini wajar diberi perhatian dalam pengajaran bahasa Arab untuk memperkukuh kecekapan kosa kata pelajar.

Kata kunci: *Strategi pembelajaran kosa kata, strategi meneka makna, tahap pengetahuan kosa kata, pembelajaran Bahasa Arab, pelajar SMAN.*

PENGENALAN

Penguasaan kosa kata terbukti berkaitan secara langsung dengan kemahiran berbahasa. Hal ini demikian kerana ia menjadi kayu ukur dalam mencerminkan kemampuan pelajar dalam menguasai kemahiran berbahasa. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian Kripps (2013) yang mendapati bahawa cabaran terbesar pelajar bahasa asing sejak dahulu adalah permasalahan pengetahuan kosa kata. Pembelajaran bahasa kedua terutamanya bahasa Arab bukanlah sesuatu yang asing di Malaysia. Menurut Nurul Afiah (2022), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing untuk diajar di institusi-institusi pendidikan.

Dalam pembelajaran bahasa, strategi pembelajaran perlu disesuaikan mengikut konteks pembelajaran sesuatu perkara. Hal ini disokong dalam implikasi kajian oleh Nur Naimah dan Harun (2017), ia merupakan tanggungjawab guru dalam menggalakkan pelajar untuk menggunakan strategi pembelajaran kosa kata kerana ia dapat mempengaruhi kedalaman kosa kata bahasa Arab. Menurut Mohd Zaki (2016), isu dalam penggunaan strategi kosa kata ini adalah apabila guru bahasa Arab tidak mempunyai maklumat tentang strategi pembelajaran kosa kata. Selain itu, dalam pembelajaran bahasa Arab, kebanyakan pelajar mempunyai masalah dalam menguasai aspek kosa kata. Hal ini dapat dibuktikan dalam kajian Nurain dan Norhayuza (2020) yang menyatakan bahawa antara kekangan dalam penguasaan bahasa Arab adalah masalah kekurangan kosa kata. Selain itu, penemuan oleh Rosni Samah et al. (2023) mendapati bahawa penguasaan kosa kata pelajar adalah lemah terutamanya dalam bidang sastera bahasa Arab. Masalah ini turut berlaku di peringkat pengajian rendah serta di peringkat pengajian tinggi (Harun dan Zawawi 2014).

Kajian tentang strategi meneka makna ini masih perlu dikaji kerana walaupun banyak kajian telah diterbitkan dalam bidang strategi pembelajaran, namun di Malaysia, masih kurang kajian yang menumpukan terhadap strategi meneka makna. Nik dan Harun (2020) mendapati penggunaan pelbagai strategi pembelajaran kosa kata membantu dalam penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan murid sekolah rendah. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan strategi meneka makna dan tahap pengetahuan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar SMAN Pahang serta hubungan antara keduanya. Hal ini demikian kerana, sistem pendidikan di SMAN Pahang sangat menitikberatkan penggunaan bahasa Arab kerana ia menjadi bahasa pengantar dalam kurikulum Bu'uth yang telah bermula sejak tahun 1993. Namun begitu, prestasi dan kemahiran pelajar SMAN masih tidak mencapai matlamatnya (Amiruldin 2020). Oleh itu, kajian ini diharapkan memberi sumbangan ke arah penambahbaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab agar lebih selaras dengan keperluan dan matlamat kurikulum SMAN.

SOROTAN LITERATUR

Strategi pembelajaran kosa kata dapat difahami sebagai satu pendekatan yang digunakan dalam meningkatkan kefahaman serta penguasaan kosa kata semasa mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Selain itu, Shorsh (2023) turut berpendapat bahawa teknik penguasaan kosa kata

seperti strategi kognitif, strategi memori, strategi meta kognitif dapat memberi kesan dalam pembelajaran bahasa kedua. Hal ini menunjukkan bahawa pelbagai strategi dapat digunakan secara serentak dalam meningkatkan tahap pengetahuan kosa kata agar pelajar dapat menggunakan kaedah yang paling bersesuaian dengan gaya pembelajaran mereka. Oleh hal yang demikian, guru juga berperanan dalam membimbing dan melatih pelajar dalam memilih strategi pembelajaran kosa kata yang efektif agar dapat memberi impak yang positif (Mohd Zaki et al. 2016). Hal ini turut disokong oleh kajian Nur dan Harun (2017) yang menyarankan agar guru lebih memberi pendedahan terhadap strategi terkini berbanding strategi tradisional kerana ia mampu untuk memaksimumkan aktiviti pemprosesan maklumat.

Kajian oleh Ghalebi et al. (2020) turut membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai tahap akademik yang berbeza menggunakan strategi pembelajaran kosa kata yang berbeza berdasarkan kesesuaian dengan gaya pembelajaran mereka. Hal ini turut selari dengan Nur dan Harun (2017) yang mendapati bahawa penggunaan strategi yang pelbagai dapat meningkatkan pengetahuan kosa kata Arab. Tambahan lagi, pelajar cemerlang didapati banyak menggunakan pelbagai strategi dalam aspek pembelajaran kosa kata.

Strategi meneka makna merupakan antara salah satu strategi yang terkenal dalam kalangan pelajar bahasa. Hal ini dapat dibuktikan oleh Seyyed dan Zahra (2013) yang menekankan bahawa meneka dari konteks adalah strategi yang popular dalam kalangan pelajar di samping penggunaan kamus dan strategi lainnya. Pendapat ini turut selari dengan Nattinger 1988 dan Jiang (2022) yang menyatakan bahawa meneka makna adalah apabila seseorang membuat kesimpulan makna perkataan melalui tekaan kontekstual dan ia merupakan kaedah yang kerap digunakan oleh pelajar. Selain itu, menurut Nur Riza (2017), strategi meneka juga adalah pelajar membincangkan makna tersurat dan membuat perbandingan dengan situasi yang ada untuk menyimpulkan makna tersebut.

Dalam menggunakan strategi ini, pelajar perlulah memiliki pengetahuan tentang maklumat atau petunjuk yang berada di sekeliling perkataan yang tidak diketahui agar pelajar dapat menyimpulkan maknanya serta memahami perkataan tersebut dengan mendalam (Tian 2019). Strategi ini merupakan antara teknik yang berkesan dalam meningkatkan tahap pengetahuan kosa kata. Merujuk kajian oleh Ife Sam (2021) yang mendapati bahawa penggunaan strategi ini mampu memberi impak positif dalam meningkatkan pembelajaran kosa kata. Tambahan lagi, ada kajian turut menyarankan agar pelajar menggunakan strategi meneka makna bersama strategi-strategi lain seperti penggunaan kamus, pengambilan nota dan latih tubi agar dapat meningkatkan kemahiran kosa kata (Noor dan Eliyas 2020).

Walau bagaimanapun, terdapat percanggahan antara dapatan kajian-kajian lepas seperti Ahmad dan Rafizah (2012) yang menyatakan bahawa penggunaan strategi ini tidaklah mempunyai impak yang besar dalam peningkatan tahap pengetahuan kosa kata. Adapun kajian Li dan Ye (2017) mendapati bahawa lebih banyak pelajar yang terdiri daripada etnik minoriti didapati menggunakan strategi ini berbanding strategi lain. Oleh itu percanggahan ini membuktikan bahawa adanya keperluan dalam memahami kepelbagaian strategi kerana keberkesanan strategi pastinya berbeza antara pelajar.

Holidazia dan Rodliyah (2020) juga menyatakan bahawa strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata pelbagai teknik, termasuk meneka makna, yang membantu pelajar dalam memahami dan mengingat perkataan baru. Dengan menggunakan strategi ini, pelajar dapat mengaitkan makna perkataan dengan konteks yang ada, yang seterusnya meningkatkan pemahaman mereka terhadap teks yang dibaca.

Dalam pembelajaran bahasa, kosa kata mempunyai peranan yang penting dalam penguasaan bahasa. Kosa kata adakah kunci dalam menguasai sesuatu bahasa. Perkara ini dapat disokong oleh Harun dan Zawawi (2014); Zainur Rijal dan Rosni (2018) yang menyatakan bahawa, dalam pembelajaran bahasa, penguasaan kosa kata mempengaruhi kemampuan seseorang individu untuk menguasai sesuatu bahasa. Menurut Khairulaizam (2022), pengetahuan kosa kata melibatkan pengetahuan linguistik mendalam dan memberi impak yang besar dalam penguasaan empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pengetahuan kosa kata merangkumi aspek saiz dan kedalaman dan penting dalam memahami kualiti leksikal seseorang. Menurut Liu dan Li (2019) saiz kosa kata dapat difahami sebagai jumlah perkataan yang digunakan oleh pelajar pada sesuatu tahap. Manakala kedalaman kosa kata pula adalah melibatkan kefahaman aspek perkataan termasuk makna, penggunaan dan hubungannya (Xiang 2018).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Penyelidikan kuantitatif menguji teori objektif dengan mengkaji hubungan pemboleh ubah (Creswell 2009). Selain itu, menurut Hank et al. (2017), kajian kuantitatif dapat membantu dalam menyimpulkan hasil kajian yang boleh dipercayai. Populasi merupakan keseluruhan daripada subjek penyelidikan (Khairulaizam 2022). Populasi kajian ini adalah pelajar tingkatan 4 yang mengambil subjek bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di sekitar Temerloh, Pahang. Populasi dari empat buah SMAN yang terletak di daerah Temerloh adalah seramai 321 orang. Sampel pula ialah subset dari populasi yang dikaji untuk memahami populasi (Hank et al. 2017). Kajian ini telah menentukan saiz sampel berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970) iaitu seramai 175 pelajar menggunakan teknik persampelan rawak berstrata. Seterusnya, kaedah persampelan rawak sistematik digunakan untuk memilih responden, di mana setiap pelajar dipilih mengikut selang tertentu daripada senarai populasi yang telah disusun secara rawak.

Peratus sampel dan bilangan pelajar telah dikira iaitu sekolah A mempunyai populasi 147 pelajar, peratus sampel ialah 46% dan bilangan sampel seramai 81 pelajar. Sekolah B mempunyai 80 orang pelajar, peratus sampel ialah 25% dan bilangan sampel seramai 44 pelajar. Akhir sekali, Sekolah C dan Sekolah D mempunyai populasi 47 pelajar, peratus sampel ialah 15% dan bilangan sampel adalah 26 pelajar. Kesimpulannya, bilangan sampel bagi kajian ini adalah seramai 175 pelajar daripada 321 bilangan populasi.

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan oleh penyelidik untuk mengumpulkan data berpandukan objektif kajian (Chua 2006). Untuk mengkaji pemboleh ubah penggunaan strategi meneka makna, kajian ini telah mengadaptasi instrumen dari kajian oleh Gladys Bonilla Mangual (1994). Jumlah soal selidik ini adalah sebanyak 24 item yang mewakili tujuh kategori meneka iaitu mengenal pasti peneka, meneka berkaitan bunyi atau fonik, meneka berkaitan petunjuk kontekstual, meneka berkaitan struktur bahasa, meneka menggunakan aspek bukan linguistik, meneroka keadaan pelajar ketika bergantung dengan bahasa pertama dan meneka berkaitan bahan rujukan.

Di samping itu, untuk mengukur tahap pengetahuan kosa kata, kajian ini menggunakan instrumen berupa set ujian tahap pengetahuan kosa kata Arab telah diadaptasi dari kajian Zunita dan Harun (2020). Oleh itu, kajian ini mengadaptasi instrumen kajian ini dengan memilih bahagian C dan D kerana ia bertepatan dengan tujuan kajian. Konstruk instrumen pada bahagian C adalah untuk mengukur tahap pengetahuan kosa kata Arab melalui makna denotatif sebanyak

4 item, hubungan semantic sebanyak 7 item, pembentukan kata sebanyak 4 item dan kombinasi kata sebanyak 2 item. Adapun pada bahagian D, adalah untuk mengukur tahap pengetahuan kosa kata Arab melalui makna denotatif sebanyak 8 item, hubungan semantik sebanyak 4 item, pembentukan kata sebanyak 6 item dan kombinasi kata sebanyak 2 item. Oleh itu, jumlah keseluruhan item pada bahagian C dan D adalah sebanyak 37 item.

Proses pengumpulan data dimulakan dengan pengkaji mendapatkan kelulusan bersyarat daripada JAIP (Jabatan Agama Islam Pahang) secara dalam talian setelah memperoleh persetujuan penyelia kajian. Seterusnya, pengkaji melampirkan surat-surat rasmi untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah sebelum mengedarkan instrumen kajian kepada responden. Setelah mendapat kebenaran, pengkaji menghubungi guru berkaitan untuk menetapkan masa dan lokasi sesuai bagi pelaksanaan kajian, dengan guru tersebut bertanggungjawab mengawasi proses pengumpulan data.

Seterusnya, pengkaji mengedarkan instrumen kajian secara bersemuka kepada pelajar, serta menjelaskan tata cara mengisi dan menjawab instrumen tersebut. Seterusnya, pengkaji kekal berada di lokasi kajian untuk membantu menyelesaikan sebarang kekeliruan. Langkah ini penting untuk memastikan proses berjalan lancar dan mematuhi prosedur pengumpulan data seperti yang dinyatakan oleh Noraini dan Farahhuda (2023), bagi memastikan ketepatan dan integriti data yang diperoleh.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Strategi Meneka Makna

Jadual 1 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, strategi meneka makna dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.41, SD = 0.84). Konstruk Mengenal Pasti Peneka (min = 3.79, SD = 0.71) mencatatkan nilai min yang tinggi. Sementara itu, konstruk Bahan Rujukan menunjukkan nilai min yang terendah di antara strategi meneka makna (min = 2.83, SD = 1.13). Keputusan ini juga menunjukkan bahawa nilai min untuk meneka makna adalah dalam julat antara 2.83 hingga 3.79. Selain itu, konstruk Bunyi atau Fonik juga mencatatkan nilai min pada tahap sederhana tinggi (min = 3.51, SD = 0.71). Konstruk Kebergantungan terhadap Bahasa Pertama berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.26, SD = 0.85).

Jadual 1: Taburan nilai min, sisihan piawai dan interpretasi skor min bagi konstruk strategi meneka makna

Konstruk Strategi Meneka Makna	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Mengenal Pasti peneka	3.79	0.71	Sederhana Tinggi
Bunyi atau Fonik	3.51	0.71	Sederhana Tinggi
Petunjuk kontekstual	3.59	0.59	Sederhana Tinggi
Struktur bahasa	3.51	0.96	Sederhana Tinggi
Aspek bukan linguistik	3.39	1.06	Sederhana Tinggi
Kebergantungan terhadap bahasa pertama	3.26	0.85	Sederhana Tinggi
Bahan rujukan	2.83	1.13	Sederhana Rendah
Total Min	3.41		Sederhana Tinggi

Selain itu, analisis deskriptif dalam jadual 2 menunjukkan bahawa S17 (*Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba memahami beberapa bahagian walaupun saya tidak faham semuanya*) mencatat bilangan responden paling tinggi dalam kategori "Tinggi," dengan 132 responden (75.4%) melaporkan kekerapan tinggi yang tinggi.

Secara spesifik, hanya 32 responden (18.3%) berada dalam kategori "Sederhana," dan 11 responden (6.3%) melaporkan kekerapan rendah. Tingkah laku ini menunjukkan tahap konsistensi yang sangat tinggi dalam kalangan responden.

Sebaliknya, S20 (*Apabila saya membaca apa-apa dalam bahasa Arab, saya cuba memahaminya tanpa perlu mencari perkataan tersebut dalam kamus.*) mempunyai bilangan responden tertinggi dalam kategori "Rendah," iaitu 71 responden (40.6%), diikuti oleh 55 responden (31.4%) dalam kategori "Sederhana," dan hanya 49 responden (28.0%) dalam kategori "Tinggi." Corak ini menunjukkan bahawa tingkah laku ini adalah kurang kerap diamalkan oleh responden, dengan bilangan signifikan melaporkan kekerapan rendah.

Jadual 2: Taburan kekerapan dan peratusan bagi konstruk strategi meneka makna

Item	Kekerapan dan Peratusan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
1 Saya cuba meneka apa yang saya tidak faham dalam bahasa Arab.	11 orang (6.29%)	46 orang (26.29%)	118 orang (67.43%)
2 Saya cuba meneka perkataan yang saya tidak faham dalam bahasa Arab.	7 orang (4.0%)	59 orang (33.71%)	109 orang (62.29%)
3 Saya cuba meneka kumpulan perkataan yang saya tidak faham dalam bahasa Arab. Contoh kumpulan perkataan: التركيب الإضافي ● ساحة المدرسة ● المطعم الكبير	21 orang (12.0%)	38 orang (21.71%)	116 orang (66.29%)
4 Saya cuba meneka ayat lengkap yang saya tidak faham dalam bahasa Arab. Contoh ayat lengkap: درس الطلاب في الفصل.	21 orang (12.0%)	32 orang (18.29%)	122 orang (69.71%)
5 Apabila saya mendengar perbualan dalam bahasa Arab, saya cuba memahami bahagian yang tidak saya fahami dengan mengenal pasti perkataan yang bunyinya serupa dengan bahasa Melayu.	15 orang (8.57%)	53 orang (30.29%)	107 orang (61.14%)
6 Apabila saya mendengar perbualan dalam bahasa Arab, saya cuba memahami bahagian yang tidak saya fahami dengan melihat gerak-geri orang yang bercakap.	32 orang (18.29%)	63 orang (36.0%)	80 orang (45.71%)
7 Apabila saya mendengar perbualan dalam bahasa Arab yang sukar difahami, saya akan menyebut perkataan yang tidak saya fahami dan melihat sama ada bunyinya menyerupai perkataan yang saya kenali.	32 orang (18.29%)	66 orang (37.71%)	77 orang (44.0%)
8 Apabila saya mendengar perbualan dalam bahasa Arab, saya cuba meneka maksudnya dengan menggunakan tatabahasa bahasa Melayu.	36 orang (20.57%)	61 orang (34.86%)	78 orang (44.57%)

9	Apabila saya mendengar perbualan dalam bahasa Arab, saya cuba meneka maksud perkataan tersebut dengan mengaitkannya kepada bunyi perkataan lain yang sudah saya ketahui dalam bahasa Arab.	15 orang (8.57%)	57 orang (32.57%)	103 orang (58.86%)
10	Sebelum membaca sesuatu dalam bahasa Arab, saya membayangkan isi bacaan tersebut dengan merujuk kepada lukisan atau gambar.	32 orang (18.29%)	40 orang (22.86%)	103 orang (58.86%)
11	Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba membaca perkataan di sekelilingnya untuk meneka maknanya.	17 orang (9.71%)	41 orang (23.43%)	117 orang (66.86%)
12	Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba memahami perkataan tersebut dengan melihat imbuhan awal dan akhir yang saya kenali.	23 orang (13.14%)	65 orang (37.14%)	87 orang (49.71%)
13	Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba memahaminya dengan mengingat perkataan yang serupa dengan bahasa Melayu.	32 orang (18.29%)	48 orang (27.43%)	95 orang (54.29%)
14	Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba membaca keseluruhan teks untuk memahami maksudnya.	24 orang (13.71%)	40 orang (22.86%)	111 orang (63.43%)
15	Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba menyebut perkataan yang tidak difahami untuk melihat sama ada bunyinya biasa didengari.	25 orang (14.29%)	55 orang (31.43%)	95 orang (54.29%)
16	Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba meneka maknanya dengan menggunakan peraturan bahasa Melayu.	59 orang (33.71%)	64 orang (36.57%)	52 orang (29.71%)
17	Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba memahami beberapa bahagian walaupun saya tidak faham semuanya.	11 orang (6.29%)	32 orang (18.29%)	132 orang (75.43%)
18	Apabila saya membaca perkataan dalam bahasa Arab yang saya belum pernah sebut dan tidak tahu cara menyebutnya, saya cuba menyebutnya dengan mengaitkannya kepada perkataan lain yang saya tahu.	26 orang (14.86%)	56 orang (32.0%)	93 orang (53.14%)
19	Apabila saya membaca dalam bahasa Arab dan tidak memahami apa yang ditulis, saya cuba meneka maknanya berdasarkan topik yang dibincangkan.	12 orang (6.86%)	43 orang (24.57%)	120 orang (68.57%)
20	Apabila saya membaca apa-apa dalam bahasa Arab, saya cuba memahaminya tanpa perlu mencari perkataan tersebut dalam kamus.	71 orang (40.57%)	55 orang (31.43%)	49 orang (28.0%)

21	Semasa membaca teks dalam bahasa Arab (contoh: novel, buku cerita, surat khabar), saya berhenti sejenak dan cuba fikirkan apa yang akan saya baca seterusnya sebelum meneruskannya.	42 orang (24.0%)	73 orang (41.71%)	60 orang (34.29%)
22	Kadangkala, apabila saya berada di luar kelas bahasa Arab (contoh: mendengar lagu), saya mendapati diri saya cuba meneka maksud perkataan dalam bahasa Arab yang saya tidak kenali.	33 orang (18.86%)	52 orang (29.71%)	90 orang (51.43%)
23	Apabila saya menonton program atau filem dalam bahasa Arab, saya cuba membayangkan apa yang akan dikatakan oleh pelakon sebelum dia menyebutnya.	69 orang (39.43%)	65 orang (37.14%)	41 orang (23.43%)
24	Jika saya tahu bahawa saya akan bercakap dengan seseorang dalam bahasa Arab, saya akan menyediakan diri saya terlebih dahulu dengan membayangkan topik yang akan dibincangkan, soalan yang mungkin ditanya, dan jawapan yang akan saya berikan.	15 orang (8.57%)	45 orang (25.71%)	115 orang (65.71%)
Min= 3.41		Tahap= Sederhana Tinggi		

Tahap Pengetahuan Kosa kata Arab Pelajar Tingkatan 4 SMAN Di Sekitar Temerloh, Pahang

Berdasarkan jadual 3, analisis menunjukkan bahawa kebanyakan murid berada pada tahap pemahaman kosa kata yang lemah dan sangat lemah. Secara khusus, 79 murid (45.1%) tidak mengetahui makna sekurang-kurangnya satu per dua atau tiga per empat daripada senarai kosa kata yang diuji, manakala 64 murid (36.6%) tidak mengetahui lebih tiga per empat daripada kosa kata tersebut. Hanya 2 murid (1.1%) yang tahu makna sekurang-kurangnya tiga per empat atau lebih daripada senarai kosa kata yang diuji. Manakala seramai 30 (17.1%) murid berada di tahap sederhana yang tahu makna sekurang-kurangnya satu per dua atau hampir tiga per empat daripada senarai kosa kata yang diuji. Melalui analisis ini, dapat disimpulkan bahawa tahap pemahaman kosa kata dalam kalangan murid secara keseluruhannya lemah.

Jadual 3: Tahap pengetahuan kosa kata Arab dalam kalangan responden

		Julat Skor		
		Skor (%)	Kekerapan	%
Baik	Murid tahu makna perkataan sekurang-kurangnya tiga per empat (atau lebih) daripada senarai kosa kata yang diuji	75-100	2	1.1%
Sederhana	Murid tahu makna sekurang-kurangnya satu per dua atau hampir tiga per empat daripada senarai kosa kata yang diuji	50-74	30	17.1%
Lemah	Murid tidak tahu makna satu per dua atau tiga per empat daripada senarai kosa kata yang diuji	25-49	79	45.1%
Sangat lemah	Murid tidak tahu lebih tiga per empat daripada senarai kosa kata yang diuji	0-24	64	36.6%
Jumlah			175	100%

Hubungan antara Penggunaan Strategi Meneka Makna dengan Tahap Pengetahuan Kosa kata Arab

Berdasarkan jadual 4, menunjukkan maklumat mengenai tahap signifikansi (p), koefisien korelasi Pearson (r), dan interpretasi. Nilai korelasi Pearson, r 0.52, menunjukkan hubungan positif yang sederhana antara kedua-dua pembolehubah.

Jadual 4: Analisis korelasi pearson bagi mengenal pasti hubungan antara penggunaan strategi meneka makna dengan tahap pengetahuan kosa kata arab dalam kalangan pelajar SMAN Pahang

Pembolehubah	Tahap pengetahuan kosa kata	
	Sig. (p)	Korelasi Pearson (r)
Penggunaan strategi meneka makna	0.00	0.52

PERBINCANGAN

Subtopik ini akan membincangkan tentang dapatan kajian yang telah dianalisis melalui statistik deksriptif serta analisis inferensi. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti penggunaan strategi meneka makna, tahap pengetahuan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar SMAN di sekitar Temerloh, Pahang serta korelasi di antara kedua pemboleh ubah ini. Kajian ini adalah penting bagi pelajar teutamanya pelajar bahasa kedua. Hal ini kerana ia dapat mendedahkan strategi-strategi yang jarang digunakan dan mungkin memberi impak dalam pembelajaran bahasa kedua terutamanya dalam aspek kosa kata Arab. Dalam konteks bahasa Arab, Noor dan Nik (2022) mendapati bahawa responden kajian telah menggunakan strategi kosa kata yang pelbagai ketika mempelajari kosa kata berimbuhan. Justeru itu, jelaslah bahawa wujudnya keperluan dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai strategi pembelajaran kosa kata dalam kalangan pelajar.

Penggunaan strategi meneka makna adalah termasuk dalam strategi kognitif seperti yang dinyatakan oleh Aqila et. al (2023), di mana penerapan strategi kognitif adalah relevan dan memberi impak dalam pembelajaran bahasa kedua. Strategi meneka makna juga dilihat sebagai strategi kognitif dan dapat membantu pelajar dalam memahami dan menguasai kosa kata baharu dengan lebih berkesan.

Ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa penggunaan strategi meneka makna adalah berada di tahap sederhana tinggi berdasarkan nilai min 3.41 yang dilaporkan. Hal ini adalah selari dengan dapatan oleh kajian Citrayasa et al. (2022), di mana penemuan mereka mendapati bahawa strategi meneka makna dan strategi kamus adalah antara strategi dominan yang digunakan oleh pelajar dalam mempelajari kosa kata. Selain itu, dapatan kajian ini turut menyokong kajian oleh Noor dan Siti (2016) yang turut mendapati bahawa pelajar Jerman cuba meneka makna berdasarkan konteks apabila menemui perkataan baharu dengan majoriti 86.3% pelajar. Di samping itu, dapatan kajian ini turut selari dengan Zamri et al. (2015) yang mendapati bahawa nilai min sebanyak 3.05 bagi penggunaan strategi meneka makna berdasarkan petunjuk dalam konteks bahan bacaan menunjukkan ia berada di tahap sederhana tinggi.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa tahap pengetahuan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar SMAN di sekitar Temerloh, Pahang adalah berada di tahap yang lemah dengan majoriti 45.1% pelajar. Berdasarkan dapatan ini, dapat kita simpulkan bahawa majoriti responden masih tidak tahu makna satu per dua atau tiga per empat daripada senarai kosa kata yang diuji. Penemuan ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Siti dan Harun (2024)

yang melaporkan bahawa tahap pengetahuan kosakata dalam kalangan pelajar tingkatan empat SABK di Selangor turut berada di tahap yang lemah dengan majoriti 48%.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menyokong hasil kajian Uraidah et al. (2021) di mana penguasaan saiz kosakata Arab majoriti responden di peringkat STAM adalah di tahap sederhana rendah. Menurut Baharun et al. (2021), kebanyakan pelajar menghadapi pelbagai masalah pembelajaran bahasa disebabkan kekurangan kosakata akademik. Ini menyebabkan pelajar mempunyai kelemahan dalam membaca, memahami dan menganalisis bahan akademik seperti buku, jurnal dan artikel ilmiah, kertas kerja, artikel dan sebagainya. Selain itu, mereka menghadapi cabaran untuk menulis dan membentangkan kertas kerja akademik yang berkualiti tinggi apabila mereka dikehendaki menyelesaikan tugas.

Di samping itu, pengkaji bahasa mempunyai banyak pandangan terhadap saiz kosakata. Sebuah kajian Nation (2001) mendapati bahawa pelajar bahasa asing memerlukan kira-kira 2000 kata asas untuk memahami lapan puluh peratus teks dalam pelbagai genre penulisan dan pertuturan. Kosakata akademik harus diutamakan untuk pembelajaran yang lebih mendalam kerana ia membantu pelajar memahami teks akademik. Menurut Uraidah et al. (2021), Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan jumlah kosakata sasaran untuk objektif pembelajaran bahasa Arab. Jumlah ini berbeza mengikut setiap peringkat.

Hasil kajian ini turut mendapati bahawa nilai korelasi Pearson, ($r = 0.52$, $p < 0.01$), menunjukkan hubungan positif yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah. Hubungan positif ini menggambarkan bahawa semakin kerap pelajar menggunakan strategi meneka makna dalam pembelajaran kosakata Arab, semakin tinggi tahap pengetahuan kosakata mereka. Dapatan ini selari dengan Aqila et al. (2023) di mana penerapan strategi kognitif dalam pembelajaran kosakata memiliki relevansi yang tinggi dan berdampak positif terhadap penguasaan kosakata (Afandi et al. 2023). Strategi kognitif ini mencakupi strategi pengulangan, yang membantu pelajar dalam mengingat dan menggunakan kosakata baru. Ini menunjukkan bahawa strategi yang digunakan dalam pembelajaran kosakata dapat menyumbang kepada pengetahuan kosakata. Namun begitu, dapatan ini bercanggah dengan Jatikusumo dan Hidayat (2019), yang menemukan walaupun pelajar kerap menggunakan strategi meneka makna, namun ia tidak begitu efektif terhadap pengetahuan kosakata aktif dan pasif pelajar.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kedua pemboleh ubah dan ia menunjukkan strategi meneka makna mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan kosakata. Justeru itu, kajian ini menyumbang kepada maklumat dalam bidang pengajaran bahasa yang menekankan kepentingan penggunaan strategi kognitif dalam penguasaan kosakata. Penemuan dari kajian ini dapat membantu guru dalam merancang pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan pelbagai dalam menerapkan pembelajaran berpusatkan pelajar. Dengan mengintegrasikan strategi ini dalam pembelajaran, ia dapat membantu pelajar dalam mengembangkan kemahiran sendiri dan sifat autonomi dalam mempelajari bahasa kedua. Selain itu, penemuan kajian ini juga dapat digunakan oleh kajian akan datang dan penggubal dasar untuk menyemak semula kurikulum bahasa Arab agar lebih sesuai dengan pembelajaran abad ke 21 (PAK 21). Kaedah penilaian juga perlu disemak semula agar selari dengan keperluan sebenar pembelajaran bahasa Arab dan mencapai objektif pembelajaran bahasa kedua. Implikasi dari kajian ini juga menunjukkan keperluan kepada perubahan dalam pedagogi dan pembelajaran supaya lebih resonsif dengan cabaran PAK 21.

Kajian ini terhad kepada sampel dari sekolah SMAN dan daerah sahaja. Maka, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada pelajar dengan latar belakang lain. Oleh itu, limitasi dari kajian ini membuka ruang kepada kajian akan datang seperti penggunaan populasi dari pelbagai negeri dan jenis sekolah agar dapat melihat keberkesanan strategi meneka makna dalam konteks pembelajaran sendiri yang lebih aktif. Selain itu, kajian akan datang boleh mengkaji tentang keberkesanan strategi ini dan faktornya dalam kalangan pelajar yang mempunyai tahap kemahiran berbeza. Akhir sekali, kajian akan datang disarankan untuk menggunakan pendekatan lain seperti *mixed method* agar melalui proses triangulasi data.

RUJUKAN

- Ahmad Azman Mokhtar dan Rafizah Mohd Rawian. 2012. Guessing Word Meaning From Context Has Its Limit: Why?. *International Journal Of Linguistics* 4(2).
- Amilrudin Ishak. 2020. *Pendekatan Komunikatif Arab Dalam Aktiviti PDPC Kurikulum Bu'uth Di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang*. Thesis Dr. Fal, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aqila Najiha Mohd Afdani, Abdul Razif Zaini dan Nor Azhan Norul 'Azmi. 2023. Strategi Kognitif Dalam Pembelajaran Kosa kata Arab Sebagai Bahasa Kedua: Relevansi Dan Impak. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik* 5:63-74.
- Baharun, M. N. A. S., Mohamad, N., Rahman, A. W. A., & Ramli, Z. 2021. Investigating Mastery Level of Arabic Academic Vocabulary (AAV): A Study Among Malaysian Public Universities. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(1), 268-285.
- Dwiki Jatikusumo dan Rahmat Rian Hidayat. Pembelajaran Bahasa Inggris Melalui Permainan Tebak Kata Dengan Web Crawler Menggunakan Android. *Computatio: Journal of Computer Science and Information Systems* 3, no. 1 (2019): 21-30.
- Nur Farahhuda Abdul Rahman and Harun Baharudin, 2023. Metacognitive Awareness Level And Achievement In Arabic Listening Skills Among Secondary School Students. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences* (12), 13.
- Harun Baharudin. 2014. *Strategi Pembelajaran Kosa Kata Sekolah Menengah Agama Di Malaysia*. Thesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Holidazia Rupina Dan Siti Rodliyah Rojab. 2020. Strategi Siswa Dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Inggris. *Jurnal Penelitian Pendidikan*: 111-120.
- Ife Sam Sasidaran Shanghari Jaikrishnan, Siti Nurzahidah Binti Ahmad Dawawi, Hanis Arini Binti Mohamad Sayuti, Mohd Asrafeel Bin Bakar@Abu Bakar, Agnes Teh Guat Ann, Dan Harwati Hashim. 2021. The Use Of Vocabulary Learning Strategies Among Form 6 Students In A Malaysian Private School. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences* 11 (7).
- Jenkins-Smith, Hank C., Joseph T. Ripberger, Gary Copeland, Matthew C. Nowlin, Tyler Hughes, Aaron L. Fister, And Wesley Wehde. 2017. *Quantitative Research Methods For Political Science, Public Policy And Public Administration*: 3rd Edition With Applications In R.
- Jiang Chao. 2022. Development And Validation Of The Ability Test Of Guessing Word Meanings From Contextual Clues (ATGWMCC). *The Frontiers Of Society, Science And Technology*. Vol. 4, Issue 10: 80-85.
- John W Creswell. 2009. *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications, Inc.
- Khairulaizam Abdul Rahman. 2022. *Language Environment And Arabic Vocabulary Proficiency Of Form Four Students In The Selangor State Secondary Religious School*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kripps, A. 2013. Vocabulary Building For Arab Learners. *TESOL Arabia Perspectives*. 21 (3):14–21.
- Li Zou dan Ye Zhou. 2017. A Study Of English Vocabulary Learning Strategies Used By Ethnic Minority Students In Leshan Normal University, Sichuan, China. *Theory And Practice In Language Studies* 7(6): 468.
- Liu Juan dan Li Xiang. 2019. Measuring Breadth And Depth Of Vocabulary Knowledge Of Chinese EFL Learners At Different Learning Stages. *International Journal Of Language And Linguistics*. Vol. 7, No. 4. Pp. 166-171.
- Mohd Zaki Ismail, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustapha dan Nurazan M Rouyan. 2016. Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa kata Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang. *Asia Pacific Journal Of Educators And Education*, 31, 47–68.
- Nation I. S. P. 2001. *Learning Vocabulary In Another Language*. Cambridge University Press.
- Nik Fairuz Azrin, dan Harun Baharuddin. 2020. Strategi Pembelajaran Kosa Kota Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: Implementing Arabic Vocabulary Learning Strategies Among The Primary School Students. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education* 4 (2):17-23.
- Noor Effendi Ismail dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2022. Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Surah Al Fatihah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 7(4), E001418.
- Noor Hanim Rahmat dan Eliyas S. Mohdanas. 2020. Vocabulary Mastery Among Esl Learners: A Look At Strategies And Barriers. *European Journal of English Language Teaching* 6 (2).
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar. 2016. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Di Jerman. *Jurnal Kurikulum Dan Pengajaran Asia Pasifik Bil 4 Isu (2)*. 10-19.
- Nurul Afiqah Mohd Rizan dan Harun Baharudin. 2022. *Tahap Pengetahuan Kosa Kata Dan Pencapaian Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor*. In 3rd International Conference On Business Studies And Education (ICBE).
- Nur Naimah Akmar Kamaruddin dan Harun Baharudin. 2017. Strategi Pembelajaran Kosa Kata Dan Penguasaan Pengetahuan Kosa Kata Arab Dalam Kalangan Pelajar STAM. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal Of Education* 1 (1):64-73.
- Nur Riza Binti Alias. 2017. *The Use Of Guessing Strategies In Comprehending Idioms By Esl Learners*. Faculty Of Languages And Linguistics.
- Nurain Syafina Husaini dan Norhayuza Mohamad. 2020. Saiz Kosa kata Arab Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional. *International Journal Of Modern Languages And Applied Linguistics (IJMAL)*, 4 (2). Pp. 38-62.
- Rezvan Ghalebi, Firooz Sadighi dan Mohammad Sadegh Bagheri. 2020 Vocabulary Learning Strategies: A Comparative Study Of EFL Learners, *Cogent Psychology*, 7:1, 1824306
- Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi dan Hishomudin Ahmad. 2023. Penguasaan Kosa kata Arab Dalam Bidang Sastera Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences* 6(4): 64-77.
- Seyyed Mohammad Reza Amirian dan Zahra Heshmatifar. 2013. A Survey On Vocabulary Learning Strategies: A Case Of Iranian EFL University Students. *Journal Of Language Teaching And Research* 4 (3).
- Shorsh Mohammed Ismael. 2023. Analyzing The Influence Of English Vocabulary Learning Strategies On English Language Learners. *International Journal Of English Literature And Social Sciences* 8 (1): 001–011.

- Siti Hajar Abdol Hamid and Harun Baharudin. 2024. Arabic Dictionary Use and Vocabulary Mastery Among Government-Assisted Religious Schools (SABK) Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14 (8).
- Tian Tian. 2019. The Use Of Vocabulary Learning Strategies In Relation To Vocabulary Size Of Students In Chinese Universities. *Communication And Linguistics Studies*. Vol. 5, No. 4, Pp. 80-85.
- Uraidah Abdul Wahab, Mat Taib Pa, dan Lily Hanefarezan Asbulah, 2021. Saiz Kosa Kata Dan Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), *Issues in Language Studies*, 10(1):183-202.
- Vinindita Citrayasa, Elisabeth Marsella, dan Maria Setyaningsih Nernere. 2022. Strategies Of Vocabulary Learning Employed By Low-Frequency-Word Level Students In International Class. *Journal On English As A Foreign Language*, 12(1):97-116.
- Xiang Li. 2018. *Exploring Chinese EFL Learners' Mastery Development Of Depth Of Vocabulary Knowledge Based On Input Corpus And Output Corpus*. Proceedings Of The International Conference On Contemporary Education, Social Sciences And Ecological Studies (CESSES).
- Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah. 2018. Saiz Kosa kata Arab Dalam Kalangan Pelajar Di Peringkat Pengajian Tinggi: Permasalahan Dan Strategi Pengajaran. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, December, 61–70.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, dan Sharala Subramaniam. 2016. Penggunaan Dan Kekerapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.